

# Kedudukan Penyertaan Belia dalam Proses Pembentukan Dasar Awam

Yuslizar Kamaruddin<sup>1\*</sup>, Lutfan Jaes<sup>1\*</sup>, Adi Syahid Mohd Ali<sup>1</sup>, Nurizyani Azhar<sup>1</sup>, Asyraf Maula<sup>1</sup>, Muhaymin Hakim Abdullah<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor 84600, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [yuslizar@uthm.edu.my](mailto:yuslizar@uthm.edu.my), [lutfan@uthm.edu.my](mailto:lutfan@uthm.edu.my)

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.02.010>

## Article Info

Received: 31 August 2022

Accepted: 5 October 2022

Available online: 30 November 2023

## Kata Kunci

Penyertaan Belia, Kedudukan Belia, Dasar Awam

## Abstrak

Sebagai populasi terbesar masyarakat di Malaysia, aspirasi golongan belia wajar mendapat tempat dalam proses pembentukan sesebuah dasar. Selain daripada melaksanakan hak mereka sebagai seorang warganegara, penyertaan belia dalam proses pembentukan dasar awam juga dapat meningkatkan kedudukan belia untuk sama-sama memacu pembangunan sesebuah negara. Faedah yang diterima hasil daripada penyertaan belia juga bukan sahaja dapat memberi kesan positif kepada belia, malah ia turut menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan sesebuah dasar yang dibentuk tersebut. Namun begitu, kebanyakan hasil penyelidikan mendapati terdapat banyak halangan dan cabaran untuk aspirasi belia diterima pakai di dalam sesebuah dasar disebabkan kebolehpayaan belia itu sendiri dan pandangan pembuat dasar terhadap golongan belia. Usaha kerajaan untuk meningkatkan penyertaan belia perlulah dilaksanakan secara konsisten agar fungsi dan kebolehan yang ada pada golongan belia dapat diupayakan secara optimum. Akhir sekali, kedudukan penyertaan golongan belia hanya dapat diterjemahkan sekiranya semua pemegang taruh dalam persekitaran pembentukan dasar dapat bekerjasama bagi merealisasikan sebuah dasar yang bersifat inklusif.

## 1. Pengenalan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah lama mengakui bahawa golongan muda atau belia adalah sumber manusia yang utama untuk pembangunan sesebuah negara. dan merupakan ejen utama untuk perubahan sosial serta pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Lybbert dan Wydick (2018) mendapati penyertaan dan aspirasi belia dalam proses pembentukan dasar adalah disebabkan oleh kepercayaan mereka bahawa tindakan tersebut akan mampu memberi perubahan ke atas diri mereka pada masa hadapan. Penyertaan belia juga penting kerana ia turut berkait rapat dengan bagaimana aspirasi mereka dapat diketengahkan hasil daripada penyertaan tersebut (Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ), 2016). Jones (2016) dalam kajiannya juga mendapati ahli politik dan pembuat dasar di Wales semakin percaya bahawa melibatkan aspirasi daripada kalangan belia adalah strategi yang berkesan dalam menangani dan mengurangkan ketidaksamaan sosial.

Jabatan Perhubungan Kanak-Kanak dan Belia (DCYA) Ireland pada tahun 2011 telah menetapkan penyertaan golongan belia secara individu atau berkelompok adalah satu bentuk proses dan gerak kerja yang merupakan sebahagian dari pembentukan sesebuah dasar. Penyertaan belia di dalam pembentukan dasar juga merujuk pada suatu hasil di mana mereka berpeluang untuk menyumbang sesuatu untuk kebaikan mereka dan

pengasingan golongan belia adalah tidak wajar dalam memastikan ketelusan proses pembentukan dasar (Björnsdóttir & Einarsdóttir, 2017). Dapatan daripada kajian-kajian yang dinyatakan tersebut telah membuktikan bahawa pentakrifan tentang penyertaan belia secara aktif bukan sahaja dapat mempengaruhi proses pembuatan dasar (Murphy 2017) tetapi menyumbang kepada meningkatkan peranan mereka sebagai seorang warganegara Kiilakoski (2020).

Artikel ini akan menelusuri secara konsep kedudukan penyertaan belia dalam proses pembentukan sesebuah dasar awam. Artikel ini juga akan turut memberi pemahaman secara konsep bagaimana penyertaan belia dalam persekitaran pembentukan dasar melalui faedah, cabaran dan halangan yang dihadapi golongan belia. Selain itu, artikel ini turut mengutarakan usaha yang boleh dilakukan kerajaan untuk mengoptimalkan keupayaan golongan belia dalam menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara melalui penglibatan mereka dalam proses pembentukan dasar.


## 2. Belia dan Persekitaran Dasar

Persepsi belia sebagai golongan yang mempunyai tahap keyakinan yang rendah, tidak berkeupayaan, dan belum matang secara tidak langsung menjadi kebimbangan pemain dasar dalam memberi kebebasan kepada belia (Rosenbury, 2015). Bahkan sekiranya terdapat pemain dasar yang mempunyai keyakinan terhadap golongan belia untuk membuat keputusan, pemain dasar tersebut masih lagi terikat dengan birokrasi dan protokol pembentukan dasar (Ruch, 2014). Menurutnya lagi, kekangan protokol dan birokrasi tersebut sering membuatkan penyertaan belia gagal sampai ke persekitaran pembentukan dasar. Situasi tersebut membentukkan tanggapan bahawa pemain dasar menganggap diri mereka kurang relevan untuk berurusan dengan kumpulan belia. Dalam banyak keadaan, agensi atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan menjadi perantara atau orang ketiga untuk mendapatkan input daripada belia. Ini secara tidak langsung akan meletakkan kedudukan golongan belia lebih jauh daripada persekitaran pembentukan dasar (Marshall et al., 2015).

Penyertaan golongan belia berbeza mengikut status sosioekonomi mereka (Checkoway, 2011) dan usia (Shier et al., 2014). Keupayaan belia untuk mempengaruhi keputusan pembentukan dasar juga dipengaruhi olemotivasi, kemampuan, dan kepemimpinan individu belia tersebut (Shier et al., 2014). Golongan belia yang melibatkan diri dalam proses pembentukan dasar mengharapkan aspirasi yang akan diangkat oleh mereka mampu untuk membuat perbezaan ke atas dasar yang dibentuk (Collins, 2015; Marshall, Byrne, & Lundy, 2015). Oleh itu, pembentukan sesebuah dasar yang menitikberatkan inisiatif untuk meningkatkan penyertaan belia adalah penting kerana penyertaan tersebut menandakan perubahan besar sesebuah kerajaan dalam mengangkat peranan golongan belia (Tisdall, 2015).

### 2.1 Kedudukan Belia dalam Proses Pembentukan Dasar Awam

Merujuk Model 'Tangga Penyertaan' oleh Hart (1992), tokenisme merupakan tahap di mana penyertaan belia yang tidak mendatangkan pengaruh atau penyertaan yang sia-sia. Penyertaan tokenisme adalah lebih buruk daripada tiada penyertaan. Ini kerana tokenisme menyebabkan penyertaan yang telah diberikan oleh golongan belia hanya sekadar memenuhi jempunan dan aspirasi yang diberikan adalah harapan palsu yang tidak dapat dipenuhi (Collins, 2015). Golongan belia yang kurang berpengalaman dan berpengetahuan tidak akan dapat membezakan antara perundingan tokenistik dan penyertaan yang bermakna (Marshall et al., 2015; Murray, 2015). Penyertaan tokenisme membawa kepada kekecewaan dan kemarahan di kalangan belia sedangkan minat yang mendalam untuk menyumbang kepada pembentukan dasar dimanipulasi (Hall, Pennell, & Rikard, 2015; Marshall et al., 2015).



**Rajah 1** *Ladder of Youth Participation (Hart's 1992)*

Berbeza dengan penyertaan tokenistik, proses inklusif perlu disemai untuk menjadikan belia golongan yang aktif dan dihormati. Proses sedemikian merangkumi penyesuaian kepada persekitaran pembuatan keputusan yang sesuai dengan usia, keperluan, kemampuan, dan kehendak mereka (Bessell, 2015). Kumpulan pemain dasar yang berkomitmen untuk menjadikan golongan belia sebagai golongan yang inklusif wajar mengembangkan kemampuan mereka dengan mendengar dan memahami mesej mereka. Kajian Bae (2012) telah mengenal pasti corak interaksi yang luas antara belia dan guru sebagai sebuah pertemuan yang mampu mempromosikan kebersamaan dan komunikasi terbuka. Dalam interaksi seperti itu, guru mengikuti input dari belia dan bertolak ansur dengan kesalahan. Interaksi ini muncul sebagai pengalaman berkomunikasi bersama dalam ruang pembelajaran di mana belia dan guru boleh berkongsi kawalan.

Libat urus daripada pelbagai pihak dalam mewujudkan persekitaran inklusif terhadap penyertaan belia adalah satu bentuk pendekatan yang penting dalam meningkatkan lebih ramai golongan belia daripada pelbagai latar belakang dapat dilibatkan. Pelaksanaan dialog yang konstruktif antara belia, institusi awam, organisasi politik, dan sektor swasta wajar dilaksanakan secara berkala bagi menangani masalah utama yang mengekang penyertaan belia (La Cava et. al, 2014). Menurut kajian daripada Bank Dunia (2014), impak daripada peluang yang bersifat inklusif terhadap penyertaan belia secara langsung akan memberikan implikasi terhadap ekonomi, politik, sosial, dan budaya. Kajian tersebut turut mendapati golongan belia perlu disediakan dengan sebuah saluran institusi yang khusus untuk menggalakkan penyertaan aktif mereka.

Bagi belia yang berkerjaya, penyertaan mereka dalam pembentukan dasar jauh lebih penting. Dalam Deklarasi Konvensyen Pekerjaan Belia Eropah (2015) yang diadakan di Brussels menetapkan golongan belia Eropah yang berkerjaya perlu berpartisipasi secara aktif, mendidik, memperkasa dan menyalurkan ekspresi mereka terhadap dasar belia kerana golongan ini mempunyai keupayaan yang lebih daripada golongan belia yang lain. Penyertaan aktif golongan berkerjaya dianggap penting kerana dapat memberi kebaikan kepada kumpulan golongan belia yang lain. Menurut Kiilakoski (2020), penyertaan golongan belia yang aktif dapat memberi kefahaman kepada belia lain tentang bagaimana sesebuah dasar berfungsi. Penyertaan belia dalam proses pembentukan dasar turut perlu dipromosikan dengan lebih meluas lagi agar keberadaan golongan belia di dalam kumpulan masyarakat dapat diiktiraf. Kepentingan penyertaan belia juga bukan hanya sekadar memenuhi keperluan proses pembentukan dasar malah mereka perlu bersuara menyatakan pendapat dan memastikan suara mereka dapat mempengaruhi sesebuah dasar (Theis, 2010). Pandangan ini disepakati oleh Gretschel et. al (2014) yang menyatakan pandangan golongan belia perlu diberi perhatian serius dan mendapat pertimbangan sewajarnya semasa keputusan dibuat.

### 3. Faedah Penyertaan Belia dalam Proses Pembentukan Dasar

Secara umumnya, penyertaan belia dalam proses pembentukan dasar harus sentiasa didorong dan diberi keutamaan oleh kerajaan kerana hasil dari penyertaan aktif golongan belia tersebut dapat memberi peluang kepada mereka untuk melaksanakan hak mereka. Bukan itu sahaja, sesebuah dasar turut akan lebih bersifat inklusif dan relevan dengan aspirasi belia hasil daripada penyertaan tersebut. Menurut Brummelaar et. al (2018), kerajaan atau pembuat dasar perlulah bertindak sebagai pemudah cara untuk menjadi penghubung kepada penyertaan belia dengan membentuk capaian jaringan komunikasi, hubungan positif dan mencipta kebersamaan terhadap golongan belia kerana ia merupakan aspek penting dalam menggalakkan penyertaan dari golongan belia. Manakala golongan belia pula wajar mengambil pendirian yang proaktif sekiranya kerajaan dan pembuat dasar telah mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk mereka lebih aktif melibatkan diri dalam proses pembentukan dasar.

Ruang dan peluang yang diberikan kepada golongan belia ini dapat memberikan faedah kepada golongan belia itu sendiri. Peluang tersebut perlu digunakan mereka untuk belajar dan mempraktikkan kemahiran perundingan, perencanaan, pelaporan dan komunikasi yang mereka perlukan untuk kebaikan mereka pada masa hadapan (Sharituddin, 2017). Menurutny lagi, faedah hasil daripada peluang yang diberikan kepada golongan belia mampu untuk mengembangkan kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang berlaku dalam lingkungan mereka seterusnya memastikan bahawa keputusan yang lebih tepat dapat dibuat. Bukan itu sahaja, golongan belia turut dapat meningkatkan kemahiran mereka untuk membina hubungan, keyakinan dan kepercayaan (Nolas, 2014). Sehubungan dengan itu, golongan belia yang diberikan ruang akan mempunyai kelebihan untuk mengembangkan lagi hala tuju hidup mereka untuk berpotensi menjadi seorang pemimpin.

Dari aspek kebaikan kepada dasar pula, penyertaan belia dapat meningkatkan kepelbagaian pilihan dasar yang inovatif, memberi sudut pandang yang berbeza untuk melihat masalah yang berlaku di sekeliling mereka dan meningkatkan kebarangkalian yang tinggi terhadap inklusiviti sesebuah dasar (Palmy & Buchanan, 2020). Duramy dan Gal (2020) dalam kajiannya menekankan bahawa aspirasi dan pandangan golongan belia perlu mendapat tempat dan perhatian oleh pembuat dasar samada aspirasi tersebut datang daripada individu ataupun berkumpulan. Masuku dan Macheke (2021) percaya bahawa peranan kerajaan bukan sahaja perlu melaksanakan tugas untuk mendidik, melatih dan mengawal golongan belia sahaja malah kerajaan turut perlu mendorong golongan belia untuk aktif menyuarakan aspirasi mereka. Bagi mengoptimalkan faedah yang mampu diperolehi, peningkatan usaha ke arah penyertaan dan pengembangan belia memerlukan pendidikan dan latihan berterusan membabitkan kerajaan, pemain dasar, masyarakat, dan belia itu sendiri (Cele & van der Burgt, 2015; Cushing, 2016). Sehubungan dengan itu, manfaat utama penyertaan belia dalam proses pembuatan dasar adalah penyertaan tersebut membolehkan belia menjadi ejen aktif terhadap pembangunan mereka sendiri. Mereka juga dapat berperanan aktif dalam membentuk persekitaran kehidupan yang dikehendaki atas pengwujudan dasar yang bersifat inklusif serta mampu menampung dan menyokong keperluan dan pilihan mereka sendiri (Heinrich & Million, 2016; Kackar Cam & Schmidt, 2014). Sesebuah dasar yang berkesan perlulah melalui proses yang dapat memupuk hubungan dan integrasi yang menyeluruh di antara kerajaan sebagai pembuat dasar dan golongan belia yang juga kumpulan masyarakat untuk menjadikan persekitaran proses pembentukan dasar yang lebih inklusif.

Kerajaan sebagai organisasi yang berautoriti perlu melihat golongan belia sebagai ejen aktif dalam sesebuah masyarakat dan kewajaran melibatkan mereka dalam agenda pembangunan negara perlu diambil kira (Bertozi, 2015). Konsep penyertaan belia aktif boleh ditakrifkan sebagai tindakan individu atau kumpulan yang mengambil bahagian untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti atau masyarakat secara umum (Innovations in Civic Participation, 2010). Penyertaan aktif yang terhasil melalui pendidikan sivik adalah pendidikan tidak formal yang penting kerana ia menyediakan mekanisme untuk mengasah pengetahuan, kemahiran, hubungan sosial dan komitmen yang menyumbang kepada keberkesanan belia sebagai individu dan warganegara yang bertanggungjawab (Shaw et al., 2012). Penyertaan aktif belia dalam program-program yang melibatkan penyertaan belia telah meningkatkan lagi keperibadian dan pengalaman belia dalam proses membuat keputusan seterusnya dilihat sebagai asas untuk mewujudkan keadaan yang mendorong golongan belia berubah menjadi warganegara yang aktif.

### 4. Cabaran dan Halangan Penyertaan Belia dalam Proses Pembentukan Dasar

Penyertaan belia dalam proses pembentukan dasar awam merupakan tuntutan dan amalan yang perlu dipromosikan. Ini kerana golongan belia perlu terlibat dalam keputusan yang mempengaruhi mereka secara individu dan sebagai satu kumpulan. Namun begitu, untuk memenuhi keperluan segenap lapisan kumpulan sasar belia bukanlah suatu perkara yang mudah. Pada satu aspek, adalah sukar untuk melibatkan penyertaan belia apabila mereka tidak melihat diri mereka sebagai kumpulan yang dapat membuat perubahan, atau ketika

mereka mempunyai idea tetapi tidak pasti bagaimana untuk meneruskannya, atau ketika mereka mengambil tindakan tetapi kekurangan sumber untuk proses pelaksanaan. Manakala dari aspek yang lain pula, penyertaan belia dilihat sangat sukar apabila wujud tanggapan bahawa orang dewasa lebih baik daripada orang muda, dan berhak bertindak atas mereka tanpa persetujuan mereka kerana usia mereka (Adu Gyamfi, 2014; Cele & van der Burgt, 2015; Crowley & Moxon, 2017).


Sudut pandang pembuat dasar sebagai kumpulan yang bertindak sebagai aktor rasmi pembentukan dasar mempunyai transisi yang kurang baik. Mereka memandang belia sebagai populasi yang kurang pendedahan sehinggakan kehidupan mereka perlu direncanakan kerana ketidakmampuan tersebut (Cele & van der Burgt, 2015; Wood, 2015). Persepsi belia sebagai golongan yang mempunyai tahap keyakinan yang rendah, tidak mampu, dan belum matang secara tidak langsung menjadi kebimbangan pemain dasar dalam memberi kebebasan kepada belia (Rosenbury, 2015). Bahkan sekiranya terdapat pemain dasar yang mempunyai keyakinan terhadap golongan belia untuk membuat keputusan, pemain dasar tersebut masih lagi terikat dengan birokrasi dan protokol pembentukan dasar (Ruch, 2014). Bukan itu sahaja, tahap keprihatinan kerajaan tentang keperluan kuota atau kapasiti untuk input yang diberikan oleh golongan belia agar dimasukkan ke dalam dasar kurang mendapat perhatian (Palmy dan Buchanan, 2019). Ini disebabkan oleh pembuat dasar tidak mempunyai inisiatif untuk meningkatkan sumber daripada penyertaan belia (Cele & van der Burgt, 2015).

Selain daripada itu, aspek belia itu sendiri turut menjadi penghalang dalam melibatkan penyertaan belia dalam proses pembentukan dasar. Mtwesi (2014) menegaskan bahawa isu berkaitan halangan penyertaan belia sering kali dikaitkan dengan beberapa faktor iaitu golongan belia terpinggir, penyebaran maklumat yang lemah, perundangan yang tidak ditentukan mengenai penglibatan belia dan tahap pendidikan yang rendah. Crowley (2017) turut mendapati latar belakang golongan belia yang pelbagai seperti status sosioekonomi dan pendidikan menyebabkan mereka kurang berpeluang untuk berpartisipasi. Terdapat halangan dalam memastikan penyertaan belia dapat direalisasikan. Menurut kajian Adu Gyamfi (2015) tanggapan ahli politik terhadap tahap kematangan dan kurangnya pengalaman hidup golongan belia menyumbang kepada kegagalan untuk melibatkan belia dalam proses pembentukan dasar. Selain daripada itu, banyak kajian berkaitan penyertaan belia juga mendapati belia dianggap sebagai subjek yang tidak kompeten, pasif, tidak matang, tidak lengkap, dan sangat rapuh di mana penyertaannya tidak boleh dipercayai dan terdedah kepada cadangan orang dewasa (Fisher et al., 2013).

## 5. Tindakan Kerajaan dalam Memperkasakan Kedudukan Belia

Tindakan pemerksaan ke atas penyertaan belia tidak dapat dielakkan apabila sesebuah kerajaan ingin membentuk perkongsian kuasa dan boleh digunakan mengikut konteks, situasi, kesesuaian politik, sosial dan budaya (Sam Ann, 2017). Kajian WAY (2016) mendapati penyertaan golongan belia mampu bertindak aktif sekiranya kerajaan memberikan galakan, pemantauan dan latihan melalui program-program yang bersesuaian dengan pembangunan diri mereka. Pelbagai bentuk penyertaan yang boleh dilakukan kerajaan untuk golongan belia menyumbang kepada proses pembentukan dasar. Manakala kajian Crowley dan Moxon (2016) telah mencadangkan bentuk penyertaan baru yang inovatif perlu dipromosikan untuk meningkatkan lagi penyertaan belia. Pemerksaan kepada bentuk promosi yang inovatif mampu menarik minat golongan belia contohnya dengan memperbanyakkan barangan seperti pakaian, pelekat kenderaan atau aplikasi permainan sebagai medium mempromosikan penyertaan (Sloam, 2016).

Selain itu, desentralisasi atau penurunan kuasa di peringkat persekutuan ke peringkat negeri dan daerah adalah salah satu cara untuk meningkatkan pemerksaan ke atas penyertaan belia. Pentadbiran negeri dan daerah lebih dekat dan memahami persekitaran belia dan merupakan permulaan kepada sebuah perubahan yang hendak dilakukan (Biggeri, Ferrannini, & Paoli, 2016). Menurut mereka lagi, penglibatan pentadbiran dan masyarakat di peringkat setempat merupakan faktor yang mampu mempengaruhi keupayaan seseorang individu dan kumpulan. Justeru itu, dengan penekanan ke atas perkongsian kuasa yang diterapkan, setiap pihak bertanggungjawab untuk memperkasakan kebolehpayaan belia seterusnya meningkatkan penyertaan mereka dalam proses pembentukan dasar. Secara keseluruhannya, pemerksaan dalam konteks penyertaan belia membuktikan pendekatan pemerksaan pasti mampu menyediakan ruang yang lebih baik untuk belia berperanan dengan lebih berkesan dalam membantu komuniti mereka. Ini bermakna agensi dan pemegang taruh yang berkaitan dengan golongan belia perlu memupuk pendekatan pemerksaan yang sesuai bagi menggalakkan penglibatan aktif golongan belia.



Pelan Strategik UNDP 2014-2017 di atas telah mencadangkan bagaimana untuk melihat dari sudut pandang yang sebenar apabila melibatkan usaha ke arah pembangunan belia. Golongan belia perlu diposisikan sebagai pemegang taruh di dalam perancangan program-program yang melibatkan kepentingan masa hadapan mereka yang bakal mewarisi pentadbiran sesebuah kerajaan. Selain itu, golongan belia yang terbahagi kepada pelbagai latar belakang perlu dikenal pasti potensi mereka dan di jadikan sebagai sumber manusia kepada perancangan yang bakal direncanakan. Akhir sekali, inisiatif-inisiatif yang hendak dilakukan kerajaan perlulah menjurus kepada sudut pandang untuk membentuk belia untuk menjadi seorang pemimpin. Daripada ketiga-tiga sudut pandang yang sejajar itu, maka fokus ke arah pemeraksanaan dan pembangunan belia akan mendatangkan kesan seperti yang dikehendaki.

## 6. Kesimpulan

Beberapa kajian menemui hasil positif apabila wujud kebersamaan dalam merencanakan agenda belia selain membantu meningkatkan pembangunan. Tumpuan penuh juga perlu diberikan kepada kepentingan penyertaan ke atas pelbagai latar belakang belia terutama dalam proses pertukaran idea dan dialog supaya penglibatan aktif menjadi satu cara untuk mewujudkan hubungan kebersamaan merentasi generasi di pelbagai konteks kehidupan belia. Pada dasarnya, penyertaan belia boleh difahami dengan merujuk kepada golongan belia sebagai kumpulan masyarakat yang bertanggungjawab ke atas masa depan mereka yang tidak menentu. Oleh itu, penyertaan aktif golongan belia dapat menonjolkan keberadaan mereka sebagai sumber kepada hala tuju sesebuah negara.

## Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) dibawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) (FRGS/1/2019/SS06/UTHM/03/2) (project Vote K230). Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada KPT dan Pusat Pengajian Umum dan Ko Kurikulum atas ruang dan peluang yang telah diberikan.

## Rujukan

- [1] Adu-Gyamfi, J., (2014). Childhood construction and its implications for children's participation in Ghana. *Journal of Social Sciences* 4: 1-11.
- [2] Bae, B. (2012). Children and teachers as partners in communication: Focus on spacious and narrow interactional patterns. *International Journal of Early Childhood*, 44(1), 53-69
- [3] Bertozzi, R. (2012). *Participation and citizenship in socio-educational policies*. Milan: Franco Angeli
- [4] Bessell, S. (2015). Influencing international child labor policy: The potential and limits of children-centred research. *Children and Youth Services Review*, 33, 564-568
- [5] Biggeri, M., Ferrannini, F., & Paoli, L. (2016). *Where Change Happens: Local Governance to Tackle Multidimensional Poverty and Inequality*
- [6] Björnsdóttir, P., & Einarsdóttir, J. (2017). Child participation in Ghana: Responsibilities and rights. *What politics? Youth and political engagement in Africa* (pp. 285-299)
- [7] Cele, S., & van der Burgt, D. (2015). Participation, consultation, confusion: Professionals' understandings of children's participation in physical planning. *Children's Geographies*, 13(1), 14-29

- [8] Checkoway, B. (2011). What is youth participation? *Children and Youth Services Review*, 33, 340–345. doi: 10.1016/j.childyouth.2010.09.017
- [9] Collins, M. E., Augsberger, A., & Gecker, W. A. (2016). Youth councils in municipal government: Examination of activities, impact and barriers. *Children and Youth Services Review*, 65, 140–147
- [10] Crowley, A., & Moxon, D. (2017). New and innovative forms of youth participation in decision-making processes. Council of Europe
- [11] Cushing, D. F. (2015). Promoting youth participation in communities through youth master planning. *Community Development*, 46(1), 43–55. <https://doi.org/10.1080/15575330.2014.975139>
- [12] Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit (GIZ). (2016). Study on the Expectations and Aspirations of the Lao Youth. Retrieved on August 2021 from [www.giz.de/laos](http://www.giz.de/laos)
- [13] Faedi Duramy, B., & Gal, T. (2020). Child and Youth Participation in Decision-Making: Experiences from Developing Countries
- [14] Fisher CB, Brunnquell DJ, Hughes DL, et al. (2013) Preserving and enhancing the responsible conduct of research involving children and youth: A response to proposed changes in federal regulations. *Social Policy Report* 27: 1–23
- [15] Gretschel A., Levamo T-M., Kiilakoski T., Laine S., Mäntylä N., Pleyers G. and Raisio H. (2014), Youth Participation Good Practices in Different Forms of Regional and Local Democracy, Finnish Youth Research Network and Finnish Youth Research Society
- [16] Hall, J., Pennell, J., & Rikard, R. V. (2015). Child and family team meetings and restorative justice for foster youth. New York, NY: Oxford University Press, 207–226
- [17] Hart, R. A. (1992). *Children's Participation from Tokenism to Citizenship*. Florence: UNICEF International Child Development Centre
- [18] Heinrich, A. J. and Million, A. (2016) 'Young people as city builders: youth participation in German municipalities', *The Planning Review*, 52(1), pp.56– 71. doi: 10.1080/02513625.2016.1171049
- [19] Jones S.L (2016). The Aspirations and Decisions of Young People from The South Wales Valleys. Retrieved on August 2021, from [2016/08/08/aspirations-decisions-young-people-south-wales-valleys/](http://2016/08/08/aspirations-decisions-young-people-south-wales-valleys/)
- [20] Kackar-Cam, H., & Schmidt, J. A. (2014). Community-based service-learning as a context for youth autonomy, competence, and relatedness. *The High School Journal*, 98(1), 83–108
- [21] Khin, S. A. (2017). Youth Participation in Community Development: A Case Study of Youth in Takeo Province, Cambodia. Master Thesis, Victoria University of Wellington
- [22] Kiilakoski, T. (2020). Perspectives on Youth Participation. European Union Council of Europe Youth Partnership. University of Tampere.